



SAMPAIKAN...Zamri menyampaikan kuih raya kepada wakil JPAM sambil diperhatikan Dr Ismail (tengah) di Pejabat JPAM di Wisma Wong Wo Lo.

UMSKAL tidak lupakan anggota keselamatan

NST 24.7.2014 7

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus antarabangsa Labuan (UMSKAL) tidak melupakan jasa anggota keselamatan yang sentiasa bertugas demi menjaga kesejahteraan rakyat dan keamanan Negara terutamanya pada musim perayaan seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri yang menjelang tidak lama lagi.

Sehubungan dengan itu, tiga pasukan keselamatan iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Labuan serta Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) menerima sumbangan kuih raya daripada Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Sumbangan tersebut disampaikan sendiri Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali di pejabat pasukan keselamatan berkenaan.

Dr Ismail berkata sumbangan kuih itu sebagai tanda terima kasih pihak universiti kepada pegawai dan anggota pasukan keselamatan yang menjaga warga UMSKAL terutamanya mahasiswa di samping pensyarah dan kakitangan sokongan serta aset universiti.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah

turut merakamkan ucapan penghargaan kepada pasukan keselamatan yang menjaga keselamatan dan keamanan negara khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Ketika orang ramai meraikan hari lebaran, anggota PDRM, Bomba dan JPAM bersiap siaga menjaga keselamatan dan keamanan negara khususnya di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Turut mengiringi beliau termasuk Timbalannya, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal, Timbalan Pendaftar, Zamri Mohamad Tuah, Pustakawan Kanan, Baharin Entoh dan Penolong Bendahari Kanan, Mohd Nazir Abd Manan.

Ismail berharap dan berdoa semoga anggota pasukan keselamatan berada dalam keadaan selamat ketika menjalankan tugas di perbatasan pada Hari Raya Aidilfitri nanti.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pegawai dan anggota pasukan keselamatan yang banyak membantu menjayakan program UMS Labuan terutama yang membabitkan pelajar.

“Semoga hubungan baik itu akan berterusan dan berkekalan pada masa akan datang,” katanya. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)